

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**YBHG. DATO' PROF. IR. DR. AHMAD FARHAN MOHD SADULLAH**  
**FASC**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN BULAN SINERGI PUTRA UPM 2026**

**15 JUN 2026 (ISNIN), JAM 11.00 PAGI**  
**DEWAN BESAR, PKKSSAAS, UPM SERDANG**

---

**[SALUTASI]**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam "Berilmu Berbakti".

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, izin, dan inayah-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun di Dewan Besar UPM pada hari yang penuh bermakna ini. Kehadiran kita sekalian mencerminkan komitmen jitu dan tekad yang bulat dalam menyatukan usaha UPM menterjemahkan tindakan, kolaborasi dan impak strategik secara kolektif.

2. Bagi pihak pengurusan tertinggi Universiti Putra Malaysia, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan selamat datang kepada YBhg. Datuk Profesor Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, KPT serta seluruh warga universiti, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. Sesungguhnya, pertemuan kita hari ini mencerminkan semangat sinergi yang padu dan menjadi pemangkin kepada transformasi berterusan Universiti ke arah kecemerlangan yang relevan dan berimpak tinggi.
3. Sebagai sebuah gedung ilmu terkemuka yang berteraskan pertanian dan kelestarian, UPM memikul mandat moral dan akademik yang besar. Universiti tidak boleh lagi sekadar menjadi pemerhati atau menara gading yang melahirkan kertas-kertas kajian akademik semata-mata. Sebaliknya, universiti mestilah bertindak sebagai peneraju, makmal hidup (living lab), dan penggerak utama kepada penyelesaian krisis global ini demi keseimbangan kehidupan manusia dan alam.
4. Atas kesedaran dan tanggungjawab itulah, UPM mengambil langkah strategik dan berani dengan merangka dokumen penting yang kita kenali sebagai **UPM Planetary Health & Sustainability Blueprint**. Pelan tindakan komprehensif ini dirancang sebagai satu kompas pemandu, acuan dasar, serta pelan tindakan bersepadu bagi mengemudi seluruh warga kampus ke arah ekosistem mampan yang menjaga kesihatan planet.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Bersempena Bulan Sinergi Putra 2026 ini, pelbagai program direka khas sebagai pemangkin mobiliti sosial dan pemikiran warga UPM. Kita mahu mewujudkan satu momentum di mana seluruh elemen dalam universiti—akademik, penyelidikan, jaringan komuniti, dan operasi kampus—bergerak serentak, bersinergi, dan saling menyokong dalam satu wadah kelestarian yang padu.
6. Bagi menyemarakkan lagi Bulan Sinergi Putra ini, pagi tadi telah berlangsungnya **Kolokium Sinergi PUTRA** yang tampil sebagai medan ilmiah dinamik untuk perkongsian strategik universiti, di mana tumpuan utamanya dihalakan khusus kepada **Aspirasi Pelan Strategik UPM 2026-2030**. Komitmen dan agenda besar yang dikongsikan ini amat kritikal dalam memandu kita melangkah dengan lebih yakin, sekali gus memperkukuh agenda universiti demi menjayakan visi dan misi UPM.

7. Selain daripada wacana ilmiah, kemuncak kepada Bulan Sinergi Putra ini nanti bakal menyaksikan detik-detik bersejarah bagi universiti kita menerusi siri peluncuran dokumen-dokumen utama universiti. Agenda besar ini merangkumi **Peluncuran Blueprint Planetary Health and Sustainability, Ringkasan Eksekutif Blueprint Keterjaminan Makanan UPM dalam Bahasa Mandarin** serta sebuah dokumen mega yang amat kritikal bagi fasa sedekad akan datang, iaitu **Pelan Pemacu Kesohoran Global Universiti Putra Malaysia atau PUTRA GLOBE 2026 – 2035**. Ketiga-tiga instrumen strategik ini merupakan pasak kemajuan UPM yang saling melengkapi—di mana pemantapan tadbir urus dan amalan kelestarian tempatan akan menjadi batu loncatan yang memacu nama UPM ke puncak kesohoran di persada global.
8. Dalam konteks institusi yang besar seperti UPM, "silo" atau bekerja secara sendirian merupakan musuh utama kepada kemajuan. Melalui Bulan Sinergi Putra, setiap fakulti, institut, dan bahagian perlu meruntuhkan tembok pemisah tersebut. Sebagai contoh, kepakaran sains alam sekitar di Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar mesti digabungkan dengan kreativiti reka bentuk di Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina, serta disokong oleh modal insan dari Fakulti Pengajian Pendidikan untuk mendidik masyarakat kampus.

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan aluan ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh jawatankuasa pelaksana yang telah bertungkus-lumus merancang, menyelaras, dan menjayakan majlis serta program sepanjang bulan ini. Usaha murni ini amat besar nilainya dalam mencorakkan masa depan UPM yang lebih gemilang.
10. Akhir kata, marilah kita bersama-sama menyokong penuh pelaksanaan program sepanjang Bulan Sinergi Putra 2026 demi kesejahteraan universiti dan bumi bertuah ini. Semoga segala usaha kerdil kita ini diberkati dan dinilai sebagai amal soleh di sisi Allah SWT. Selamat menjayakan Bulan Sinergi Putra.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,  
Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih.